

30 JUN 2000

Kadir-Merdeka

PERARAKAN HARI MERDEKA DI SHAH ALAM

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Perarakan Hari Merdeka, iaitu kemuncak Sambutan Bulan Kemerdekaan, buat pertama kalinya diadakan di Shah Alam pada 31 Ogos ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata perarakan di Persiaran Perdagangan itu adalah antara lima acara penting Bulan Kemerdekaan tahun ini.

"Mulai tahun ini, sambutan kemerdekaan akan dilanjutkan kepada tempoh sebulan dengan pelbagai acara dan tidak lagi hanya dirayakan dengan perarakan pada hari kemerdekaan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Induk Sambutan Bulan Kemerdekaan sempena kemerdekaan ke-43 Malaysia di sini, hari ini.

Sambutan Bulan Kemerdekaan tahun ini bermula pada 17 Ogos hingga 16 Sept.

Katanya Bulan Kemerdekaan akan dimulakan dengan pelancaran Kempen Jalur Gemilang pada 17 Ogos di seluruh negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan kempen itu di sini manakala peringkat negeri dan daerah akan dirasmikan oleh menteri besar dan pegawai daerah masing-masing.

Abdul Kadir berkata menerusi kempen itu, rakyat pelbagai peringkat digalakkan mengibar bendera Jalur Gemilang sepanjang tempoh berkenaan.

Masjid-masjid di seluruh negara juga diminta mengadakan tahlil dan sembahyang hajat pada 25 Ogos sebagai menandakan kesyukuran atas kemerdekaan negara manakala agama lain mengadakan upacara keagamaan masing-masing, katanya.

Beliau berkata sambutan Ambang Kemerdekaan peringkat kebangsaan akan diadakan di Dataran Merdeka pada malam 30 Ogos dan rakyat yang berhimpun di situ akan melaungkan "Merdeka" sebanyak tujuh kali pada tepat pukul 12 tengah malam.

Penutup sambutan Bulan Kemerdekaan akan diadakan di Kota Kinabalu pada 16 Sept dengan pelbagai acara meriah akan diadakan, katanya.

Sementara itu logo ciptaan seorang pelukis visual di sebuah syarikat swasta, Madeni Minwari, memenangi pertandingan mencipta logo Perayaan Bulan Kemerdekaan setelah mengalahkan 1,580 ciptaan lain.

Pemilihan logo berkenaan membolehkan Madeni, 29, menggondol hadiah RM5,000 serta piala dan sijil penyertaan.

Logonya menggambarkan rasa kesyukuran dan terhutang budi rakyat Malaysia yang berbilang kaum, budaya dan fahaman politik terhadap keamanan, kemakmuran serta pencapaian cemerlang negara.

Bulatan berwarna biru dan bulan bintang berwarna kuning menggambarkan sebuah negara yang mempunyai 14 negeri dengan Islam sebagai agama rasmi selain kebebasan mengamalkan agama lain.

Warna merah, kuning dan putih dalam logo itu yang berbentuk objek manusia melambangkan tiga kaum utama di Malaysia iaitu Bumiputera, Cina dan India sedang menadahkan tangan bersama sebagai tanda syukur serta bermaksud wawasan.

-- BERNAMA

RZS AHH NAK